

Utusan Malaysia - 1MDB: Kenapa Pembangkang Tak Datang Dengar Penjelasan?

Khamis, Apr 26 2018

1MDB: Kenapa pembangkang tak datang dengar penjelasan?

UTUSAN 26/4

KUALA LUMPUR 25 April - Gabungan pembangkang PKR dibidas kerana tidak hadir ke sesi ceramah dan penerangan terbuka mengenai Malaysia Development Berhad (1MDB) walaupun diadakan di kubu kuat mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy berkata, sesi penerangan itu berlangsung secara terbuka agar setiap persoalan atau keraguan yang timbul boleh diajukan terus kepadanya.

Jelas beliau, kehadirannya ke kubu kuat pembangkang di Subang Jaya malam tadi dibuat atas prinsip berani kerana benar dan bukan bermotifkan politik.

“Saya amat terkilan malam ini kerana pemimpin pembangkang yang begitu kuat mengkritik 1MDB seperti Hanna Yeoh tidak datang, kenapa tidak datang ke sini, ke kubu kamu sendiri? Nampak sangat mereka tidak mempunyai minda terbuka untuk mengetahui

isu sebenar mengenai 1MDB.

“Ceramah ini dianjurkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), bukan parti politik. Saya bukan ahli politik. Saya bertanggungjawab sebagai pegawai syarikat milik penuh kerajaan untuk memberi maklumat pada rakyat mengenainya,” katanya seperti dipetik portal *The Rakyat* semalam.

Mengulas mengenai masa depan 1MDB, Arul menegaskan, syarikat tersebut menjadi mangsa politik pihak berkepentingan atau lebih tepat, 1MDB adalah masalah perniagaan yang telah dipolitikkan.

Bagaimanapun katanya, semua masalah itu diselesaikan melalui pelan rasionalisasi syarikat.

Dalam pada itu, Arul berkata, sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai kebolehan dalam penstrukturan semula perbankan dan undang-undang, adalah menjadi tanggungjawab beliau untuk membantu dan menyelesaikan isu 1MDB.



**ARUL KANDA
KANDASAMY**

